

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PELANCARAN MAJALAH TIMANG DAN
MODUL 1 - PENDIDIKAN KEHIDUPAN KEKELUARGAAN
DI HOTEL MING COURT, KUALA LUMPUR
PADA HARI SABTU, 5HB. JULAI, 1986
PUKUL 9.30 PAGI

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Puan Sharifah Dorah,
Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana
Menteri;

Yang Berbahagia Tan Sri Abdullah Ayub,
Pengerusi Lembaga Penduduk dan
Pembangunan Keluarga Negara;

Yang Berbahagia Ketua Pengarah LPPKN;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk melancarkan Majalah Timang dan Modul 1 Pendidikan dan Kekeluargaan.

2. Keluarga hari ini sedang menghadapi berbagai cabaran – lebih lagi dari masa-masa yang lampau. Pembangunan yang pesat dan pengaruh cara hidup moden telah membawa kepada perubahan dan juga penyesuaian dalam cara hidup. Di zaman yang mana terdapat banyak perubahan ini, cara hidup juga telah berubah. Kita dapati ada keluarga yang terlalu

mementingkan kebendaan dan kemewahan hingga kadangkala membawa kepada ketegangan, perselisihan dan perpecahan dalam keluarga. Sistem keluarga luas yang menjadi cara hidup masyarakat di Malaysia dan banyak membantu dalam mengatasi masalah keluarga sedang mengalami ancaman oleh kerana ahli-ahli keluarga berpindah ke tempat-tempat lain untuk bekerja atau berniaga. Walaupun sistem keluarga luas ini masih lagi banyak bilangannya, khususnya di kampung-kampung, tetapi keadaan persekitaran telah mula menjejaskannya.

3. Apa yang lebih ketara di kawasan-kawasan perumahan di bandar-bandar pada hari ini ialah sistem keluarga asas. Ramai ibubapa pula keluar bekerja dan asuhan anak-anak mereka diserahkan kepada pembantu rumah, sahabat handai, jiran atau taman asuhan kanak-kanak. Oleh kerana ibubapa semakin berkurangan memainkan peranan mereka dalam pendidikan anak-anak maka ini telah memberi kesan yang tidak diinginkan seperti penganiyaan kanak-kanak, keciciran di kalangan kanak-kanak sekolah dan penyalah-gunaan dadah di kalangan anak-anak remaja. Cara hidup moden yang tidak seimbang dengan aspek-aspek kerohanian juga boleh menimbulkan ketegangan dalam keluarga sehingga menyebabkan hubungan suami isteri renggang. Suasana kekeluargaan seperti ini, jika tidak diatasi akan membawa pada perpecahan keluarga yang bukan sahaja membawa kesan buruk kepada keluarga tetapi juga kepada masyarakat amnya.

4. Keluarga yang bahagia adalah keluarga yang mementingkan nilai-nilai hidup yang murni seperti berbudi pekerti, sopan santun, bertimbang rasa dan sebagainya. Pendidikan Islam ialah pendidikan melalui teladan, atau kepimpinan melalui teladan. Ibubapa perlu menunjukkan contoh teladan yang baik, menjaga peribadi dan tingkah laku terutama di hadapan anak-anak. Sebagai contoh, kalau hendak melarang anak-anak jangan merokok, ibubapa sendiri hendaklah tidak merokok. Begitulah juga dengan perkara-perkara lain.

5. Hadis Nabi Muhammad s.a.w. ada menyebutkan tentang tanggungjawab dan kewajipan ibubapa dalam pendidikan anak-anak. Menurut Hadis itu, hak anak yang menjadi kewajipan ibubapa melaksanakannya ialah memberi nama yang baik, membentuk akhlak dan peribadi yang mulia, memberi makanan yang halal dan berkhasiat dan mengahwinkannya apabila sudah layak dan berkemampuan. Memberi nama yang baik kepada anak-anak merupakan suatu doa dan harapan daripada ibubapa terhadap anak-anak. Nabi Muhammad s.a.w. juga menggalakkan ibubapa bergaul mesra dengan anak-anak di samping memperbaiki budi pekerti dan personaliti mereka. Baginda juga menegaskan dalam hadishNya bahawa sesiapa yang tidak menyayangi anak-anaknya, dia tidak akan disayangi oleh Allah Subhanahu Wataala.

6. Ibubapa adalah lebih berkesan dalam pendidikan anak-anak. Ibu merupakan guru pertama pada pendidikan anak-anak. Di samping itu sahsiah atau personaliti sesaorang anak itu dibentuk dan dipengaruhi oleh keluarga. Keluargalah faktor yang paling dekat sekali kaitannya dengan anak-anak. Tahun-tahun awalan di dalam kehidupan sesaorang individu itu adalah yang paling penting di dalam pembentukan sahsiah atau personalitinya. Mutu dan kesan perhubungan di antara anggota keluarga adalah lebih kuat dan mendalam ke atas struktur dan corak emosi sesaorang itu. Oleh itu, mutu kehidupan kekeluargaan perlu dipertingkatkan melalui amalan-amalan dan aktiviti-aktiviti serta penerapan nilai-nilai positif yang boleh memperkukuhkan keluarga sebagai satu unit asasi masyarakat.

7. Dalam hal ini ibubapa hendaklah melengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai pembangunan keluarga, caragaya keibubapaan dalam pendidikan anak-anak dan membimbing ahli keluarganya dalam perkembangan putaran hidup kekeluargaan.

Para hadirin sekalian,

8. Saya telah diberitahu bahawa Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara sedang giat menyediakan modul-modul pendidikan kehidupan kekeluargaan untuk digunakan sebagai panduan dalam penyebaran ilmu pengetahuan mengenai hidup berkeluarga di serata peringkat hidup untuk kegunaan orang ramai khususnya ibubapa. Dengan dasar baru kependudukan dan pembangunan keluarga, Lembaga dipertanggungjawabkan untuk memperkemaskan program pembangunan keluarga.

9. Selain daripada penyediaan modul-modul ini, LPPKN juga akan memberi perkhidmatan kaunseling keluarga iaitu khidmat nasihat mengenai masalah keluarga melalui rangkaian pusat-pusat keluarga pada sesiapa yang memerlukannya. Dalam pada itu pusat penerangan wanita LPPKN akan membantu wanita-wanita yang datang ke pusat keluarganya dalam mendapatkan maklumat-maklumat mengenai kekeluargaan. Agensi-agensi yang berkenaan dan media massa juga perlu menekankan mengenai pengetahuan hidup berkeluarga.

Para hadirin sekalian,

10. Majalah TIMANG merupakan satu pendekatan terhadap penyebaran maklumat dan pengetahuan mengenai pendidikan kekeluargaan. Saya mengalu-alukan pelancaran majalah TIMANG ini kerana ianya boleh membantu ibubapa, khususnya kaum wanita, dalam memahami caragaya keibubapaan dan pendidikan kekeluargaan. Kukuh keluarga kukuhlah negara.

11. Usaha LPPKN menerbitkan TIMANG dan juga melaksanakan kursus-kursus pendidikan kekeluargaan sangatlah dihargai dan usaha murni ini sudah sepatutnya diberi sokongan demi menjayakan hasrat kita mewujudkan masyarakat yang sihat dan bahagia.

12. Dengan ini saya dengan segala, sukacitanya merasmikan pelancaran Majalah TIMANG dan Modul 1 Pendidikan Kekeluargaan.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
